

Media: Islam tewas sebelum mencuba

B.H 8/07/07 M/S 12
Kita hendaklah melawan prasangka, salah faham Barat terhadap ummah



APABILA saya menaip perkataan 'jihad' di dalam Google.com muncullah 13,800,000 bahan mengenainya. Itu belum lagi definisi yang diberikan oleh ensiklopedia percuma bernama 'Wikipedia' di dalam internet dan huraian, penjelasan serta komentar dalam sekian banyak 'blog' yang ada. Malangnya 'jihad' yang dihuraikan itu sebahagian besarnya bukan seperti mana yang kita faham di dalam Islam. Maksudnya sudah dikaitkan dengan kegiatan keganasan atau terorisme. Maka itu kekeliruan mengenai konsep jihad itu akan berterusan di dalam media, melalui internet dan sekian banyak penerbitan. Puncanya: Orang lain yang membuat definisi itu.

Oleh yang demikian, apabila seorang doktor perubatan ditahan kerana disyaki terbabit dalam tindakan untuk mengembong sebuah lapangan terbang di UK minggu lalu, mereka dilabelkan sebagai *jihadist* (orang yang terbabit di dalam jihad) dan beroperasi sebagai sebahagian daripada 'sel' penyokong Al-Qaeda. Media Barat mulai membahaskan bagaimanakah seorang doktor boleh terbabit sedangkan beliau tidak membawakan imej tipikal 'anak-anak muda Muslim yang gelisah' yang selama ini mudah terseret dalam rangkaian keganasan.

Lebih 1.3 bilion umat Islam harus hidup dengan imej sedemikian. Agama Islam dilabelkan sebagai agama yang menggalak-

doch pengaruhi media dunia' (20 Mei 2007), saya mengingatkan bagaimana seorang Yahudi yang berasal dari Australia menjadi *tycoon* media luar biasa. Syarikat beliau menguasai stesen TV (termasuk menerbitkan *American Idol* yang paling popular di dunia serta stesen sukan *Star Sports*); mempunyai stesen kabel berbayar; TV satelit; studio filem (yang antara lain menguasai francais siri *Die Hard*); akhbar (termasuk *Times of London* dan tabloid pasar raya *The Sun*); majalah; penerbitan buku (HarperCollins) dan tapak web popular *My Space* di internet. Orang seperti inilah yang 'menguasai' dunia. Satu ketika dahulu terdapat lebih 50 buah syarikat yang menguasai media dan hiburan, jumlah itu menjadi tiga buah dalam waktu yang terdekat. Salah sebuah dimiliki oleh Murdoch.

Apa yang ada pada umat Islam? Secara jujur kita harus menanyakan soalan ini. Siapakah di antara kita yang menguasai media antarabangsa? Memanglah umat Islam mempunyai stesen TV atau akhbar dan majalah di negara masing-masing. Bagaimanapun, tidak ada syarikat atau organisasi Islam yang sebesar milik Murdoch atau mana-mana pemilik media lainnya. Oleh yang demikian, kita harus bergantung pada 'suara orang lain.' Merekalah yang menghuraikan tindakan kita, termasuk memberikan penjelasan apa yang kita pegang selama ini sebagai sesuatu yang berharga dan dimuliakan - jihad.

Kita tidak boleh menyalahkan orang lain jikalau mereka berprasangka terhadap kita. Ambil sahaja mana-mana krisis yang berlaku membabitkan umat Islam. Serangan ke atas Afghanistan 'diwajarkan' kerana negara itu menjadi tetamu

kita oleh 'orang lain.' Jangan perkecilkan pengaruh internet. Hari ini terdapat 11.5 bilion laman web yang boleh diakses oleh manusia. Berapa banyakkah daripada laman web ini yang memberikan gambaran positif mengenai Islam? Atau yang digunakan oleh ilmuwan, sarjana, pemikir dan wartawan Muslim untuk mempertahankan agama mereka? Atau yang dapat melawan tohmahan dan fitnah ke atas saudara Islam mereka?

Banyak orang menunjukkan pada stesen TV alternatif seperti Al Jazeera. Memang stesen TV itu mengubah landskap dunia penyiaran khususnya di negara-negara Arab. Suara dari Qatar itu memberikan saingan hebat pada stesen TV sedia ada yang beroperasi 24 jam seperti CNN dan BBC. Al Jazeera kini mempunyai edisi bahasa Inggerisnya sebagai mencabar stesen berita yang lain. Bagaimanapun, Al Jazeera tidak mencerminkan suara Muslim seperti yang kita harapkan.

Bagi saya penguasaan media adalah isu kritikal bagi umat Islam. Selagi media dikuasai oleh orang lain, selagi itulah kita kalah dalam gelanggang pandangan umum (*public opinion*). Kita harus mengakui tidak ada orang kaya Muslim yang akan dapat menandingi Murdoch dalam soal menguasai media. Namun demikian banyak hartawan Muslim yang lebih kaya daripada Murdoch.

Lebih malang lagi ialah persepsi umat Islam terhadap 'media Muslim.' Awal-awal lagi mereka tidak dapat menerimanya sebagai berintegriti, objektif atau bebas. Mengapakah kita lebih percaya bahawa media milik Yahudi lebih objektif dalam melaporkan keadaan di Lebanon atau Palestin? Mengapakah kita sendiri yakin

PETIKAN

"...Kekeliruan mengenai konsep 'jihad' itu akan berterusan di dalam media, melalui internet dan sekian banyak penerbitan. Puncanya: Orang lain yang membuat definisi itu..."

"...Sesiapa yang bernama Islam, berwajah Islam dan mempamerkan lambang keislaman di Barat akan dicurigai. Lebih 13 juta umat Islam di Eropah harus berdepan dengan prejudis ini..."

"...Kita harus mengakui tidak ada orang kaya Muslim yang dapat menandingi Rupert Murdoch dalam soal

kan keganasan dan mewajarkan pembunuhan ke atas orang yang tidak berdosa. Sesiapa yang bernama Islam, berwajah Islam dan mempamerkan lambang keislaman di Barat akan dicurigai. Lebih 13 juta umat Islam di Eropah harus berdepan dengan prejudis ini. Lebih 6 juta umat Islam di Amerika Syarikat (AS) berada dalam keadaan serba-salah. Mereka berdepan dengan media yang rata-rata menjual keraguan terhadap Islam dan orang Islam.

Kita harus ingat, maklumat menentukan kuasa. Siapa yang memiliki maklumat menguasai kuasa. Oleh sebab itulah media memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan pandangan dan sikap manusia hari ini. Media menguasai jiwa dan perasaan manusia. Di dalam dunia tanpa sempadan seperti hari ini, media besar sekali kesan dan pengaruhnya dalam mencorakkan pemikiran kita.

Dalam rencana saya sebelum ini, 'Mur-

kapada Osama bin Laden. Iraq diserang kerana Iraq mempunyai senjata pemusnah (*weapon of mass destruction*). Kita melihat bagaimana 'spin' ke atas berita mengenai serangan ke atas Afghanistan dan Iran kerana media dikawal oleh kelompok yang pro Presiden Bush.

Memanglah ada kewarasan dalam media dunia, tetapi suara itu tenggelam. Malah dengan cara manipulasi dan penipuan kita melihat bagaimana media Barat bersekongkol dengan Bush dan kroninya untuk mewajarkan serangan ke atas negara-negara Islam. Kita hanya mengetahui krisis Fatah dan Hamas daripada laporan media yang sepenuhnya dipetik dari Barat. Oleh kerana kita tidak mempunyai rangkaian berita seperti AP, AFP, Reuters dan lain-lain, maka merekalah yang memberikan naratif apa yang berlaku di Palestin dan Darfur hari ini. Apa yang berlaku di Darfur semuanya terbentuk daripada laporan yang disampaikan kepada

bahawa apa sahaja milik Muslim akan ditolak oleh orang lain? Demikianlah penguasaan minda terhadap orang Islam hingga mereka merasa 'kalah' sebelum mencuba dalam dunia media.

Apakah makna objektiviti dalam konteks media? Apakah makna kebebasan media yang sebenar? Bebaskah Fox News milik Murdoch? Atau CNN dan BBC? Tentulah kita tidak mahu stesen TV Muslim menjadi propagandistik. Media harus kritikal, terbuka dan objektif. Dalam kerangka prinsip media yang diterima pakai oleh semua, tidak ada salahnya kita membuat teguran dan kritikan keras terhadap pemimpin atau negara Islam atau umat Islam. Media boleh memainkan peranan sebagai mata dan telinga ummah.

Saya juga percaya bahawa umat Islam harus menangani isu kekalahan mereka dalam tradisi keilmuan secara jujur. Hari ini kita juga tidak mempunyai penerbitan berkala yang dihormati dalam bentuk jurnal yang besar pengaruhnya. Kita juga tidak mempunyai majalah berita mingguan yang sama besar edarannya, walaupun tidak pengaruhnya dengan *Time* atau *Newsweek*.

Baru-baru ini, sebuah majalah konservatif dari AS meletakkan seorang lelaki Muslim yang berjambang dan bermisai serta memandang ke kamera dengan pandangan yang serius lagi menakutkan. Keterangan pada gambar itu bertulis, 'Is This Islam?' (Inikah Islam?). Rencana utama di dalamnya ialah *What Do Muslims Think* atau 'Apakah Yang Difikirkan oleh Orang Islam?' Rencana itu pada keseluruhannya menanyakan apakah orang Islam menolak 'fundamentalisme radikal' (istilah yang digunakan oleh penulis itu) atau menerimanya? Memang hujahnya provokatif dan mencabar tetapi tidak dapat menjawab banyak soalan mengenai isu sebenar yang membentuk *psyche* dan sikap Islam terhadap 'orang lain' hari ini.

Rencana seperti ini akan muncul lebih banyak lagi, begitu juga dengan segala macam laporan dan berita yang menyulitkan umat Islam seluruhnya. Salahnya kita juga.

bagi menguasai media. Namun demikian banyak hartawan Muslim yang lebih kaya daripada Murdoch..."

"...Oleh kerana kita tidak mempunyai rangkaian berita seperti AP, AFP, Reuters dan lain-lain, maka merekalah yang memberikan naratif apa yang berlaku di Palestin dan Darfur hari ini..."

"...Selagi media dikuasai oleh orang lain, selagi itulah kita kalah dalam gelanggang pandangan umum (public opinion)..."

"...Hari ini ada 11.5 bilion laman web yang boleh diakses oleh pengguna internet. Berapa banyakkah dari laman web ini yang memberikan gambaran positif mengenai Islam?..."



SEBAR MAKLUMAT: Media dikuasai 'orang lain' mempengaruhi pemikiran dunia.